

BACELOR KEJURUTERAAN AWAM DENGAN KEPUJIAN

Pengenalan

Program Bacelor Kejuruteraan Awam Dengan Kepujian adalah ditawarkan bagi membantu negara melahirkan graduan yang holistik, membudayakan sains, berteknologi dan berinovasi. Tiga objektif utama program ini adalah untuk melahirkan jurutera yang (i) berkepakaran dalam bidang kejuruteraan awam serta mempunyai kemahiran dan sikap yang sesuai untuk berkerja dalam industri, (ii) kreatif, inovatif, serta prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat, budaya, persekitaran, dan (iii) mampu bekerja dalam reka bentuk pembaungan termaju di peringkat nasional dan antrabangsa. Program Bacelor Kejuruteraan Awam adalah satu program pengajian empat tahun (lapan semester) yang merangkumi kursus berkaitan dengan bidang Kejuruteraan Struktur, Kejuruteraan Air dan Alam Sekitar, Kejuruteraan Geoteknik dan Geologi, Kejuruteraan Lebuhraya dan Pengangkutan, dan Pengurusan Projek. Program ini direka bentuk dengan tempoh pengajian selama empat tahun (8 semester) dan jumlah kredit bergraduasi sebanyak 137. Program ini diiktiraf oleh Majlis Akreditasi Kejuruteraan Malaysia (EAC).

Peluang Kerjaya

Peluang pekerjaan bagi graduan Bacelor Kejuruteraan Awam adalah luas dan majikan terdiri daripada syarikat kecil dan sederhana kepada organisasi, multinasional dan agensi kerajaan. Organisasi atau bidang perkhidmatan yang telah memberi penempatan pekerjaan kepada graduan Bacelor Kejuruteraan Awam termasuklah Mint Consult, Petronas, Malaysia Marine and Heavy Engineering, RE Consultant, Sepakat Setia Perunding, Titijaya Land Berhad dan Kementerian Kerja Raya. Antara kerjaya yang dipegang oleh graduan ini termasuk Jurutera Binaan, Jurutera Perunding, Pengurus Projek, Jurutera Awam dan Penolong Pengarah. Berdasarkan laporan kajian pengesanan graduan menunjukkan bahawa tahap kebolehpasaran graduan program Bacelor Kejuruteraan (Awam) terdahulu adalah kompetitif dan tinggi.

Syarat Kemasukan

Bacelor Kejuruteraan Awam Dengan Kepujian (UP6526001) 8 Semester

Kelayakan Minimum STPM	Kelayakan Minimum Matrikulasi/Asasi	Kelayakan Minimum Diploma/Setaraf
Memenuhi Syarat Am Universiti serta SYARAT KHAS PROGRAM	Memenuhi Syarat Am Universiti serta SYARAT KHAS PROGRAM	Memenuhi Syarat Am Universiti serta SYARAT KHAS PROGRAM

Kelayakan Minimum STPM	Kelayakan Minimum Matrikulasi/Asasi	Kelayakan Minimum Diploma/Setaraf
Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.80; dan Mendapat sekurang-kurangnya Gred B pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut: - Matematik Tambahan; dan - Fizik; dan Mendapat sekurang-kurangnya BAND 3.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan bermula Sesi 1 tahun 2021 atau BAND 3 untuk peperiksaan sehingga tahun 2020; atau Mendapat sekurang-kurangnya BAND 2.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan bermula Sesi 1 tahun 2021 atau BAND 2 untuk peperiksaan sehingga tahun 2020 dan sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris peringkat SPM; dan Tidak ketidakupayaan fizikal yang menyukarkan kerja amali.	Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.80; dan Mendapat sekurang-kurangnya Gred B pada peringkat Matrikulasi / Asasi dalam mata pelajaran berikut: - Matematik; dan - Fizik / Asas Kejuruteraan; dan Mendapat sekurang-kurangnya BAND 3.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan bermula Sesi 1 tahun 2021 atau BAND 3 untuk peperiksaan sehingga tahun 2020; atau Mendapat sekurang-kurangnya BAND 2.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan bermula Sesi 1 tahun 2021 atau BAND 2 untuk peperiksaan sehingga tahun 2020 dan sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris peringkat SPM; dan Tidak ketidakupayaan fizikal yang menyukarkan kerja amali.	Memiliki Diploma dalam bidang yang sesuai dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00 atau kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat UPM; dan Mendapat sekurang-kurangnya BAND 3.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan bermula Sesi 1 tahun 2021 atau BAND 3 untuk peperiksaan sehingga tahun 2020; atau Mendapat sekurang-kurangnya BAND 2.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan bermula Sesi 1 tahun 2021 atau BAND 2 untuk peperiksaan sehingga tahun 2020 dan sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris peringkat SPM; dan Tidak ketidakupayaan fizikal yang menyukarkan kerja amali.

Kurikulum (2021 – 2025)

Kursus yang ditawarkan dibahagi kepada tiga kategori, iaitu Kursus Umum, Kursus Teras dan Kursus Elektif:

Komponen Kurikulum	Keperluan EAC (jumlah jam kredit minimum)	Kurikulum Bacelor Kejuruteraan Awam	Peratus (%)
Kursus Umum	Tiada nilai minimum ditetapkan	20	14%
Kursus Teras	90	105	77%
Kursus Elektif		12	9%
Jumlah Keseluruhan	135	137	100%

Jumlah Jam kredit bergraduati : 137

Tempoh Pengajian : 8 semester (4 tahun)

Yuran Pengajian

Kod	Program	Purata Kos Seorang Pelajar Setahun	Yuran Pengajian Dibayar oleh Pelajar Setahun*	Subsidi Kerajaan Kepada Pelajar Setahun
50-2	Bachelor Kejuruteraan Awam Dengan Kepujian	RM26,315.00	RM4,489.00	RM21,826.00

* Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

Pegawai Untuk Dihubungi

Profesor Ir. Dr. Raizal Saifulnaz Muhammad Rashid

Timbalan Dekan (Akademik, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Tel: +603-9769 6272

E-mel: eng.btda@upm.edu.my

Puan Siti Suriani Sarpan

Penolong Pendaftar

Tel: +603-9769 6275

E-mel: s_suriani@upm.edu.my



Alamat

Pejabat Timbalan Dekan (Akademik, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Fakulti Kejuruteraan

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang

Selangor, Malaysia

Tel.: +603-8946 6272 / 6273

Versi 6 Mei 2024